

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Para penulis _____ tanggungjawab yang amat berat untuk mencorakkan cara berfikir masyarakat.
A memikul
B menghadapi
C menanggung
D menggunakan
- 2 Bukit Kayu Hitam terletak di _____ tanah air.
A barat
B utara
C timur
D selatan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Ramlan mengikat tali kasutnya yang *pincang*.
II Kemalangan itu telah menyebabkan kaki pemuda itu *pincang*.
III Kegemilangan pasukan itu merosot kerana kepemimpinannya telah *pincang*.
IV Keadaan keluarga yang *pincang* merupakan salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Rakyat Malaysia terdiri daripada etnik dan agama yang *berbeza*.
II Sel tumbuhan *berbeza* dengan sel haiwan dalam beberapa segi.
III “*Berbeza* sungguh kelakuan adik-beradik kembar itu,” kata Azman.
IV *Berbeza* adat dan kaum di negara ini menyebabkan negara kita dikenali ramai.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Penonton memberikan tepukan yang teramat gemuruh sekali.
- A teramat gemuruh
 - B paling gemuruh sekali
 - C paling teramat gemuruh
 - D teramat gemuruh sekali
- 6 Sistem pengurusan sesebuah organisasi lebih terurus dengan wujudnya kemudahan komputer.
- A Sistem urusan sesebuah organisasi
 - B Sistem pengurus sesebuah organisasi
 - C Sistem berurusan sesebuah organisasi
 - D Sistem pengurusan sesebuah organisasi

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Bangunan Burj Khalifa di Dubai ialah bangunan tertinggi di dunia.
II Puan Hasleenda sangat sayang akan muridnya.
III Kami makan tempeh goreng dengan sambal kicap.
IV Adik leka melihat pemandangan daripada udara.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Pisang kapas yang masak empuk itu sesuai dibuat lepat.
II Keikhlasan pemuda itu tidak patut diragui oleh kita lagi.
III Perpaduan antara kaum sangat ditekankan oleh pemimpin negara.
IV Puan Swee Leng memangkas pokok bunga di halaman rumahnya.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid menyebabkan mereka menghadapi banyak masalah.
- A Murid menghadapi pelbagai masalah untuk menguasai bahasa Inggeris.
 - B Oleh sebab banyak masalah dalam bahasa Inggeris mengakibatkan murid lemah.
 - C Murid menghadapi pelbagai masalah kerana kurang menguasai bahasa Inggeris.
 - D Murid yang gagal menguasai bahasa Inggeris sering kali menimbulkan banyak masalah.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

Puan Aida : Daniel, kamu mestilah menepati janji yang telah dibuat.
Daniel : Baiklah, ibu. Saya akan ingat pesan ibu.

- 10 Dialog di atas bertepatan dengan kata-kata hikmat
- A hidup ini suatu perlumbaan
 - B bertangguh itu pencuri masa
 - C kata mesti dikota, janji mesti ditepati
 - D kata-kata lebih tajam daripada mata pedang